



**KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI  
JABATAN STANDARD MALAYSIA**

## **NOTA PERCAKAPAN**

**ENCIK HUSSALMIZZAR BIN HUSSAIN  
PENGARAH KANAN (STANDARDISASI)**

**MAJLIS PERHIMPUNAN JSM BIL. 3/2024**

**26 OGOS 2024 (ISNIN)**

**MENARA CYBER AXIS | CYBERJAYA**

## **SAMBUTAN HARI KEBANGSSAN DAN HARI MALAYSIA DAN ULANG TAHUN PENUBUHAN JSM KE-28**

1. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera kepada semua warga kerja JSM. Terima kasih saya ucapkan kepada semua atas kehadiran ke Majlis Perhimpunan JSM Bil. 3/2024 ini.
2. Saya berasa teruja kerana tahun ini kita dapat menganjurkan Majlis Perhimpunan dalam Sambutan Bulan Kebangsaan serta Ulang Tahun Penubuhan JSM ke-28 yang kebetulan juga tujuh pada 28 Ogos.
3. Sebagai warganegara, kita seharusnya berasa bertuah menjadi sebahagian daripada rakyat negara yang berdaulat dan merdeka kerana kita dapat mengecapi kehidupan dalam suasana yang harmonis, aman serta sejahtera. Dengan nikmat kemerdekaan, rakyat di negara ini hidup lebih selesa, harmoni dan makmur serta bertolak ansur dalam menjalin hubungan sekali gus perpaduan kaum. Perpaduan adalah suatu nikmat yang amat berharga dan tidak ternilai harganya. Oleh itu, ia perlu dibelai, dipupuk dan dipelihara dalam diri kita semua agar kemerdekaan Malaysia dapat dipertahankan sampai bila-bila walaupun jasad, nyawa serta maruah menjadi taruhan.
4. Apabila kita mengibarkan Jalur Gemilang, secara tidak langsung dapat memupuk perpaduan dalam kalangan kita semua tanpa mengira latar belakang agama yang kita anuti, warna kulit yang menyalut tubuh badan kita, pangkat atau darjat. Bersatu kita teguh,

bercerai kita roboh. Kata-kata azimat tersebut sudah cukup menggambarkan betapa kita perlu bersatu hati. Sejarah telah membuktikan betapa keagungan sesuatu empayar itu bukan hanya terletak kepada kepimpinan yang bijak bestari semata-mata tetapi semangat jati diri dan permuafakatan rakyat.

5. Marilah kita meraikan sambutan Bulan Kebangsaan dan Ulang Tahun Penubuhan JSM ke-28 kali ini dengan penuh rasa kesyukuran atas izin-Nya dan juga kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah berjaya mengemudi dan memacu negara ke arah masa hadapan yang lebih mampan seiring dengan tema sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2024 iaitu “Jiwa Merdeka”.

## **PENGANJURAN PENILAIAN; 2 MESYUARAT DI PERINGKAT SERANTAU & ANTARABANGSA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA DASAR**

6. JSM telah menjalani penilaian Asia Pacific Accreditation Cooperation (APAC) Peer Evaluation pada **19 - 24 Mei 2024**. Penilaian setiap 4 tahun ini adalah penting bagi memastikan JSM sebagai Badan Akreditasi Kebangsaan dapat mengekalkan dan menambah skop Mutual Recognition Arrangement (MRA). Penilaian ini melibatkan 15 orang pakar dari 10 ekonomi seperti (Jepun, Amerika Syarikat, Singapura, Thailand, India, China, Vietnam, Sri Lanka dan Australia).

7. Pada **28 - 30 Mei 2024**, JSM telah anjurkan Mesyuarat ACCSQ WG 1 and Its Related Meeting di Mercure Langkawi Pantai Cenang, Langkawi, Kedah. Mesyuarat ACCSQ WG 1 ini antara lain telah membincangkan mengenai isu-isu berbangkit bagi harmonisasi standard di peringkat ASEAN bagi bidang Products, Safety and EMC Electrical and Electronic, Medical Device, Rubber-Based Products, Wood-based Products, Cosmetic, Conformity Assessment, Building and Construction dan Digital Trade. Delegasi daripada 10 Negara ASEAN termasuk rakan dialog seperti Physikalisch-Technische Bundesanstalt (PTB) dan Japanese Industrial Standards Committee (JISC) telah hadir.
  
8. Terkini pada **15-18 Julai 2024** JSM telah menganjurkan 11th ISO/TC 324 Sharing Economy and Related Meetings di Hotel Impiana, Kuala Lumpur. Tujuannya adalah membangunkan standard antarabangsa dalam bidang Ekonomi Perkongsian yang merujuk kepada model ekonomi yang memanfaatkan platform digital untuk memudahkan perkongsian sumber seperti pengangkutan, penginapan, dan perkhidmatan.
  
9. Selain itu, 2 Mesyuarat Jawatankuasa Dasar juga telah diadakan iaitu Mesyuarat Majlis Standard dan Akreditasi Malaysia (MSDAM) Bil. 1/2024 di Hotel Bangi Resort, Selangor pada 24 Julai dan Mesyuarat Jawatankuasa Akreditasi Kebangsaan (NAC) Bil.1/2024 di Hotel Sama-Sama, KLIA pada 25 Julai.

## **19TH INTERNATIONAL STANDARDS OLYMPIAD DI KOREA PADA 12-14 OGOS 2024**

10. Malaysia melalui Jabatan Standard Malaysia, telah menghantar dua pasukan untuk mewakili negara ke ke-19<sup>th</sup> International Standards Olympiad yang berlangsung di KAMCO Human Resource Development Centre, Chungcheongnam-do, Korea Selatan pada 12-14 Ogos 2024. Pasukan tersebut adalah dari Sekolah Menengah Kebangsaan Convent Bukit Nanas (kategori Middle School) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Puteri Seremban (kategori High School) . Pemilihan pelajar dan sekolah itu dibuat dengan kerjasama Bahagian Sukan, Kokurikulum, dan Kesenian, Kementerian Pelajaran Malaysia.
  
11. Pertandingan ini dianjurkan oleh Korean Agency for Technology and Standards (KATS) dan Korean Standards Agency (KSA), dengan kerjasama International Electrotechnical Commission (IEC) dan International Organisation for Standardisation (ISO).
  
12. Pasukan Sekolah Menengah Kebangsaan Convent Bukit Nanas berjaya merangkul anugerah emas dan hadiah wang tunai bernilai USD500 bagi Kategori Middle School. Pertandingan tahun ini melibatkan penyertaan daripada 120 pelajar, membentuk 40 pasukan dari 11 negara iaitu China, Korea Selatan, Indonesia, Arab Saudi, Singapura, Peru, Uzbekistan, Jepun, Rusia, Kenya dan Malaysia.

13. Pelajar ditugaskan untuk menghasilkan dokumen standard bertajuk Smart Devices- Performance Test Criteria and Related Test Method for Speech Recognition (Middle School Category) and Artificial Intelligence -Guidance on the Ethical Practices for Artificial Intelligence Technology (High School Category).
14. Anugerah ini membuktikan inisiatif Malaysia wajar diteruskan dalam budaya kualiti dalam kalangan generasi muda, yang merupakan aset masa depan negara.

## **SISTEM E-AKREDITASI DAN SISPAA**

15. Saya difahamkan juga bahawa bahawa Sistem e-Akreditasi dalam peringkat pengujian akhir dan akan *live* dalam tahun ini. Manakala Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) JSM juga diperingkat simulasi sebelum *live* juga pada akhir tahun ini.

## **KAMPUNG ANGKAT MADANI MITI**

16. Pada 10 Ogos 2024, JSM telah memberi sumbangan kepada surau Kampung Angkat Madani di Kampung Tebuk Mufrad, Sungai Ayer Tawar. Manakala pada 10 Ogos 2024, bersempena **Mini MITI Day@Kampung Angkat MADANI MITI** JSM menawarkan peluang latihan industri khas untuk pelajar IPTA/IPTS yang berasal dari Kampung Tebuk Mufrad Dalam sebagai salah satu usaha memacu kemajuan penduduk setempat secara holistik,.

## **PROGRAM MADANI RAKYAT**

17. Jabatan Standard Malaysia (JSM) telah menyertai **Program Madani Rakyat Zon Utara** pada 4 hingga 6 Mei 2024 di Pulau Pinang, **Program Madani Rakyat Zon Timur** pada 5 hingga 7 Julai 2024 di Kuantan, Pahang dan akan datang **Program Madani Rakyat Zon Selatan** pada 15 hingga 17 Ogos 2024 di Skudai, Johor. Dalam program-program ini, JSM telah bekerjasama dengan syarikat Eco Bee Biotech Sdn. Bhd., pengeluar produk madu di Kulai, Johor yang mematuhi Malaysian Standard (MS) untuk menyertai reruai MITI.

## **PENUTUP**

18. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kebangsaan Ke-67 dan Ulang Tahun Penubuhan JSM ke-28 kepada warga JSM.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh.

Terima kasih.

Disediakan oleh:

**Unit Komunikasi Strategik**

**Tarikh: 26 Ogos 2024**

